



KENYATAAN MEDIA
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MENTERI PERTAHANAN

24 JULAI 2021

**MENGENAI PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) & PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

SOP COVID-19 di Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan

Kerajaan telah mempertingkatkan penguatkuasaan secara menyeluruh dari segi pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan premis-premis perniagaan kerana terlalu banyak pelanggaran arahan kerajaan dan SOP yang telah diwartakan.

Semalam Pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melaksanakan 80,868 pemeriksaan dan *snap check* COVID-19 di seluruh negara dengan jumlah kekuatan anggota seramai 19,168 orang.

Ia termasuk pemeriksaan ke atas 1,905 buah kilang, 14,249 premis perniagaan, 742 tapak pembinaan dan 270 buah asrama penempatan pekerja.

Hasil daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 49 premis meliputi kilang, premis perniagaan dan tapak pembinaan diarahkan tutup kerana gagal mematuhi SOP yang ditetapkan kerajaan.

Pelaksanaan PKPD

Sidang Khas MKN telah meneliti pembentangan oleh KKM dan setelah mengambil kira penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Kerajaan bersetuju untuk mengenakan PKPD di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Dua (2) lokaliti di Daerah Kinta, Perak <ul style="list-style-type: none"> • Medan Klebang Restu (Mukim Chemor) • Bandar Pulai Jaya (Mukim Sg. Raia) 	26 Julai 2021	8 Ogos 2021
2.	Blok 5 FELDA Keratong 7, Muadzam Shah, Rompin, Pahang	26 Julai 2021	8 Ogos 2021
3.	Asrama Pekerja dan Tapak Bina Hospital Pendang, Pendang, Kedah	26 Julai 2021	8 Ogos 2021
4.	Dua (2) lokaliti di Daerah Beaufort, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Lajau • Kampung Kota Klias 	26 Julai 2021	8 Ogos 2021
5.	Perumahan Ladang Kim Loong, Beluran, Sabah	26 Julai 2021	8 Ogos 2021
6.	Kampung Tungkang, Kudat, Sabah	26 Julai 2021	8 Ogos 2021
7.	Kampung Telisai, Tungku, Lahad Datu, Sabah	26 Julai 2021	8 Ogos 2021

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Penamatan PKPD

Sidang Khas MKN setelah meneliti pembentangan KKM mengenai situasi semasa, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	QI Farm Membalua, Tawau, Sabah	12 Julai 2021	Ditamatkan pada 25 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Kampung Pikat, Bongawan, Papar, Sabah	12 Julai 2021	Ditamatkan pada 25 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
3.	Penjara Kepeyan, Kota Kinabalu, Sabah	28 Jun 2021	Ditamatkan pada 25 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
4.	Kampung Jawi-Jawi, Kota Belud, Sabah	28 Jun 2021	Ditamatkan pada 25 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
5.	Tiga (3) lokaliti di Kota Kinabalu, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Suang Parai • Taman Kingfisher Sulaman • Bandaran Berjaya 	12 Julai 2021	Ditamatkan pada 25 Julai 2021 seperti yang dijadualkan

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 80,868 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,234 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 19,168 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 337 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 332 individu dikompaun dan lima (5) direman.

Orang ramai diingatkan untuk sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan dan mengamalkan kawalan sendiri dalam usaha untuk memutuskan rantaian jangkitan COVID-19.

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap lima (5) orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas tujuh (7) buah kenderaan darat.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 890 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 836 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 735 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 253,037 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 83 hotel dan 11 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 9,189 individu telah dikuarantin dan 240,402 orang dibenarkan pulang manakala 3,446 lagi dibawa ke hospital.

Operasi Disinfeksi COVID-19

Semalam, sebanyak 182 operasi disinfeksi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 76 zon merah, zon jingga (2) dan zon kuning (2).

Operasi disinfeksi ini melibatkan 1,010 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 253 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 196 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 33,738 operasi disinfeksi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 733 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (545), pemborong (158) dan pengilang (30).

KPDNHEP juga telah melakukan 2,180 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 2,171 premis mematuhi SOP manakala sembilan (9) lagi dikompaun.

Amalkan “lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri.

Terima kasih.

#StaySafeStayHome

#AmalkanKawalanKendiri

YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

**TIMBALAN PERDANA MENTERI
MENTERI PERTAHANAN**